

**Kuantan:** Kawasan penyediaan makanan berdekatan tandas selain kebersihan bahagian dapur terabai antara kesalahan dilakukan beberapa restoran di sekitar daerah ini.

Tindakan itu bukan sahaja menyalahi syarat lesen malah kebersihan penyediaan makanan restoran itu juga boleh dipertikai.

Tidak mahu berkompromi dengan isu kebersihan membabitkan premis makanan, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) semalam menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas tujuh restoran.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat MPK, Nor Kamawati Kamal berkata, tujuh kompaun dikeluarkan pihaknya hasil pemeriksaan ke atas tujuh restoran kerana melakukan pelbagai kesalahan termasuk tiga kes tidak memiliki kad kesihatan pekerja, dua kes masing-masing melanggar syarat lesen dan be-



**ANGGOTA** Penguat Kuasa MPK memeriksa dapur restoran 24 jam.

roperasi di kaki lima premis.

"Hasil pemeriksaan juga mendapati, ada pengusaha restoran yang melanggar syarat dengan melakukan kerja pembersihan pinggan di kaki lima, kita turut memeriksa tahap kebersihan penyediaan makanan termasuk kebersihan pekerja

itu sendiri.

"MPK turut mengeluarkan tujuh notis amaran kepada pengusaha premis makanan dan perlu melaksanakan ketetapan yang diberikan MPK dalam masa seminggu," katanya.

Beliau berkata, operasi bermula jam 9 pagi hingga

jam 12 tengah hari turut mengenakan kompaun terhadap sebuah pusat urut atas kesalahan melanggar syarat lesen.

Katanya, operasi turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Perlesenan MPK, Datuk Wan Solihin Wan Hassan, Ahli Majlis MPK, Mohd Fadziree Faisal dan 24 anggota bahagian penguatkuasaan, perlesenan dan undang-undang.

"MPK menasihati pengusaha restoran terutama yang beroperasi 24 jam supaya mengambil masa sekurang-kurangnya sejam menutup premis mereka untuk kerja pembersihan," katanya.

Nor Kamawati berkata, tindakan kompaun dilakukan mengikut Seksyen 107 Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Katanya, kegagalan membayar kompaun akan menyebabkan lesen perniagaan pengusaha boleh dibatalkan.

30/1/2019 HAWAN METRO